

# 'Tidak perlu universiti pertanian baharu'

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, tidak perlu adanya sebuah universiti pertanian yang baharu.

Baginda sebaliknya menegaskan Universiti Putra Malaysia (UPM) harus dimajukan secara lestari untuk memperkasakan pertanian berteknologi tinggi di negara ini.

"Beta berpendapat bahawa cadangan menubuhkan universiti pertanian baharu adalah tidak perlu.

"Sebaliknya, peruntukan yang ada bagi penubuhan tersebut disalurkan kepada UPM untuk memperkasakan pertanian berteknologi tinggi dan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta sektor pertanian lain," titahnya.

Baginda yang juga Canselor UPM bertitah demikian dalam majlis Konvokesyen Ke-37 UPM di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM, Serdang dekat sini hari ini.

Pada sesi pertama majlis konvokesyen itu, baginda mengurniai ijazah kepada 795 graduan di-



SULTAN Sharafuddin Idris Shah bersama graduan-graduan terbaik yang menerima anugerah khas pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia Ke-37 di Serdang, Selangor, semalam.

ketuai penerima Ijazah Kehormat Doktor Sains iaitu Presiden Kyushu Institute of Technology (Kyutech) Jepun, Prof. Dr. Morio Matsunaga.

Titah baginda, pertukaran nama Universiti Pertanian Malaysia kepada Universiti Putra Malaysia me-

rupakan sejarah penting yang mencerminkan kebijaksanaan kerajaan bagi memastikan UPM terus berkembang pesat.

"Walaupun dengan perubahan nama tersebut, beta percaya bahawa UPM terus memperkuuhkan bi-

dang agrobio yang menjadi teras penubuhannya seperti pertanian, perhutani, veterinar dan lain-lain.

"Beta berharap pihak kerajaan dan Kementerian Pendidikan akan terus memberikan sokongan padu terhadap usaha UPM dalam mene-

rajui pendidikan dan penyelidikan dalam bidang pertanian," titahnya.

Baginda juga berharap penubuhan Pusat Sekuriti Makanan di UPM mendapat pertimbangan kerajaan untuk memperkasakan universiti itu sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, penyelidikan, perkhidmatan pertanian serta biosumber tropika.

Menurut baginda, UPM mempunyai peranan secara langsung bagi meningkatkan sekuriti makanan terutamanya dari segi pembangunan sumber manusia, pembekalan dan pemindahan teknologi serta khidmat nasihat dasar pertanian dan makanan.

"Beta berharap kawasan Serdang di mana UPM berada ini akan terus dimajukan untuk kepentingan pendidikan tinggi bagi manfaat masyarakat setempat dan global, selaras dengan tujuan asal penganugerahan tanah ini kepada UPM oleh Almarhum Nenda Beta," titahnya.